

## AJARAN ASASI BUDDHISME

Dr. C. T. Shen

(Ucapan yang disampaikan oleh Dr. C.T. Shen di Christ Church Parish, Ridgewood, New Jersey, Amerika Syarikat pada Ihb. Nov, 1978.)



Buddha bukanlah Tuhan

Rakan-rakan yang saya hormati,

Kamu semua mungkin maklum bahawa China ialah sebuah negara di Asia. Berapa orangkah antara kamu yang tahu tulisan Cina bagi China? Ia ialah 'Chung Kuo' (\_\_\_\_). Sebenarnya, "Chung" bermakna tengah atau pusat, dan "Kuo" bererti negara atau kerajaan. Jadi Chung Kuo bermaksud negara pusat. Sejak beberapa ribu tahun dahulu, rakyat China percaya bahawa negara mereka merupakan pusat dunia dan maharaja mereka, yang biasa dianggap sebagai Anak Syurga, merupakan pihak yang paling berkuasa dalam dunia. Oleh itu, mereka yakin bahawa orang yang tinggal di luar China adalah kurang maju daripada mereka, dan raja-raja yang berkenaan lebih rendah pangkatnya daripada Maharaja China. Pada zaman dahulu, sesiapa yang mengisyiharkan bahawa ramai maharaja dalam dunia ini dan ada yang lebih kuat daripada Anak Syurga, sudah pasti kepalanya akan dipancung.

Hanya pada awal abad kelapan belas apabila tamadun Barat dapat menembusi negara China, barulah orang Cina sedar bahawa dalam dunia ini terdapat banyak negara serta maharaja-maharaja yang gagah dan berani. Orang Cina tidak lagi seperti katak di bawah tempurung, pandangan mereka telah diperluas dan mereka bersama-sama dengan negara-negara lain memikul tanggungjawab terhadap dunia ini. Akan tetapi, bagi orang Cina, pengakuan

sedemikian itu tidak sekali-kali menyusutkan kepentingan kepala pemerintahan mereka. Sehingga hari ini, pemimpin mereka masih merupakan orang yang paling penting serta berpengaruh dalam kehidupan mereka.

Selain itu, sehingga beberapa ratus tahun dahulu, manusia masih berpendapat bahawa matahari ialah pusat alam semesta. Akan tetapi, hari ini ahli kaji bintang memberitahu kita bahawa sistem solar, seperti mana yang kita tahu, iaitu matahari, bumi dan planet-planet yang lain cuma satu kumpulan kecil anggota cakerawala di pinggir sebuah yang dinamakan *Milky Way*, yang mengandungi lebih daripada 100,000 juta bintang-bintang seperti matahari. Lagi pun, *Milky Way* itu hanya satu anggota yang sederhana saiznya di antara berjuta-juta galaksi dalam alam semesta. Jadi, maklumlah kita banyaknya matahari sehingga tidak terbilang. Oleh itu, anggapan bahawa matahari hanyalah satu, atau matahari bumi kita merupakan pusat alam semesta ialah salah. Walaupun demikian, pengakuan hakikat ini tidak akan mengecilkan kepentingan matahari kepada kita. Dengan kemajuan pengetahuan, matahari — sumber nyawa dan tenaga bagi umat manusia — telah pun menjadi lebih penting dan rapat. Secara langsung ia mempengaruhi kehidupan kita.

Kebanyakan agama yang utama, termasuk agama Kristian, mengajar konsep tauhid. Bahkan setengah-setengah agama mendakwa bahawa Tuhan mereka adalah Tuhan sebenar dan Tuhan-Tuhan yang disembah oleh agama-agama lain adalah palsu. Dalam Buddhisme, ajarannya berlainan. Biarlah saya mengemukakan serba sedikit latar-belakang sejarahnya.

Lebih daripada 2500 tahun dahulu di suatu tempat yang sekarang dikenali sebagai Nepal, di kaki bukit Gunung-Gunung Himalaya terdapat seorang putera yang bernama Siddhartha Gautama. Pada umur 30 tahun, Baginda meninggalkan istananya kerana kesedarannya terhadap penderitaan manusia. Baginda menghentikan kehidupan yang serba mewah dan selama enam tahun mempraktikkan semua cara pertapaan untuk mencari jalan penyelamatan umat manusia daripada penderitaan. Akhirnya, dengan menggunakan cara renungan celik akal (*insight contemplation*) persendirianya, Baginda telah mencapai Pencerahan (*Enlightenment*). Baginda disanjung sebagai "Buddha Shakyamuni" selepas itu. "Buddha" ialah satu gelaran untuk seseorang yang telah mencapai pencerahan lengkap, iaitu seseorang yang mencapai kearifan sempurna (*perfect wisdom*) dan belas kasihan sempurna (*perfect compassion*). Baginda lalu mengembara ke merata-rata tempat di benua India dan mengajar penganut-penganutnya serta orang ramai selama 45 tahun sebelum Baginda wafat pada usia 80 tahun.

Ketika mencapai pencerahan, Baginda sedar bahawa alam semesta adalah tidak terhad, terdapat banyak lagi planet yang lain seperti bumi, terdapat banyak lagi Tuhan yang lain yang boleh diperbandingkan dengan Tuhan yang maha kuasa yang disembah oleh umat manusia pada zamannya.

Sila ambil perhatian bahawa sungguhpun Buddha mendapat tahu akan wujudnya banyak Tuhan di seluruh alam semesta, Baginda tidak pernah cuba mengecilkan kepentingan Tuhan yang disembah oleh rakyat pada zamannya. Baginda cuma menyatakan hal yang benar, dan kebenaran itu tidak menjelaskan kepentingan satu-satu Tuhan tertentu kepada satu-satu kumpulan orang tertentu yang menyembah Tuhan itu kerana Tuhan itu masih merupakan pengaruh yang paling terus-menerus dan rapat kepada kumpulan orang yang berkenaan itu.

Ini serupa dengan perihal orang Cina menjumpai kewujudan ramai maharaja di dunia. Hal ini tidak menyusutkan kepentingan kerajaan China kepada mereka. Seumpamanya, hakikat bahawa dalam alam semesta kita terdapat banyak matahari tidak akan mengecilkan perimustahaknya matahari bagi bumi kita sebagai satu sumber cahaya, haba dan nyawa.

Inilah perkara pertama yang saya ingin sampaikan kepada anda semua. Adalah benar bahawa terdapat Tuhan-Tuhan yang banyak sekali dalam alam semesta, tetapi kebenaran itu tidak sekalipun mengecilkan kepentingan Tuhan yang disembah oleh gereja ini. Sebenarnya,

seorang Buddhis yang betul-betul faham akan ajaran Buddha harus menghormati semua Tuhan yang disembah oleh umat manusia. Ini dapat menerangkan fakta sejarah bahawa perperangan tidak pernah berlaku antara penganut-penganut Buddhis dengan pengikut-pengikut agama yang lain. Buddhisme tidak mempunyai satu "kedaulatan keagamaan". Buddha bukanlah Tuhan.

Perkara kedua yang saya ingin sebutkan ialah menurut ajaran Buddha, Tuhan-Tuhan mungkin amat gagah berbanding dengan manusia, akan tetapi mereka juga tidak sunyi daripada penderitaan dan boleh menjadi marah. Tuhan mungkin dapat hidup panjang dan ini menerangkan mengapa banyak agama mempercayai bahawa Tuhan adalah abadi. Tetapi menurut Buddha, Tuhan yang maha kuasa yang disembah oleh penduduk-penduduk India purba masih tertakluk kepada kematian dan kelahiran semula (*rebirth*). Jadi, Tuhan tidak boleh digelar sebagai Buddha, yang telah bebas daripada *samsara* (pusingan kematian dan kelahiran semula yang tidak terputus) ketika mencapai pencerahan.

Perkara ketiga dan yang paling mencabarkan yang dijumpai oleh Buddha semasa pencerahannya ialah setiap umat manusia boleh menjadi Buddha. Buddha menjumpai bahawa setiap umat manusia mempunyai kearifan yang sama seperti Baginda, tetapi kearifan itu tetap disuramkan oleh kejahilan (*avidya*) dan tidak dapat mendedahkan diri dengan senangnya.

Harus ditegaskan bahawa apabila saya kata setiap umat manusia, saya juga bermaksud anda semua yang berada di sini boleh menjadi Buddha. Ini adalah salah satu daripada ajaran asasi Buddhisme. Dalam perkataan lain, setiap orang mempunyai keupayaan bakal untuk mencapai kearifan lengkap dan belas kasihan lengkap.

Sekarang, sebelum saya menerangkan bagaimana seseorang itu boleh menjadi Buddha, biarlah saya sampaikan dua konsep asasi dalam Buddhisme, iaitu *samsara* dan *karma*. Kedua-dua perkataan itu ialah bahasa Sanskrit, sejenis bahasa purba yang digunakan di India. *Samsara* adalah satu aspek alam semesta yang tidak dapat dikesan oleh mata manusia. Ia ialah pusingan kematian dan kelahiran semula bagi satu makhluk. Buddhisme mengajar bahawa kelahiran dan kematian sesuatu makhluk pada masa hayat sekarang hanya merupakan sebahagian daripada satu rantai kehidupan yang tidak kehabisan oleh makhluk itu. Kematian sesuatu makhluk tidak bererti penamatkan pusingan ini.

Buddhisme selanjutnya mengajar bahawa terdapat lima jenis bentuk hidup (*life forms*) atau perwujudan (*existence*) di mana satu makhluk boleh dilahirkan semula. Lima jenis perwujudan ini ialah penghuni syurga (iaitu Tuhan-Tuhan), manusia, binatang, hantu dan penghuni neraka. Selepas kematian, seorang manusia akan dilahirkan semula ke dalam perwujudan yang lain. Beliau boleh dilahirkan semula sebagai seorang manusia atau barangkali, penghuni di syurga, binatang, hantu atau penghuni di neraka. Selepas matinya seorang manusia, dia akan dilahirkan semula dalam salah satu bentuk perwujudan ini. Jadi, seseorang manusia juga mempunyai kesempatan untuk dilahirkan semula sebagai Tuhan di dalam syurga. Tambahan pula, penghuni di neraka boleh juga dilahirkan semula sebagai binatang, manusia dan lain-lain. Penghuni di syurga boleh juga mati dan dilahirkan semula sebagai manusia, penghuni di neraka dan sebagainya. Perubahan bentuk perwujudan ini berjalan terus dengan tidak kehabisan kecuali atau sehingga rantai ini putus. Ini berlaku apabila konsep kelahiran dan kematian ini tidak lagi bermakna kepada makhluk berkenaan itu. Menurut Buddhisme, ini berlaku apabila seseorang itu mencapai pencerahan. Ketika itu, konsep kelahiran dan kematian tidak berkaitan lagi. Pencapaian ketiadaan kelahiran dan kematian ini dipanggil *nirvana*, satu perkataan yang popular dalam Sanskrit. Seseorang yang mencapai darjah *nirvana* memutuskan rantai *samsara* dan kelahiran semula dirinya dalam mana-mana bentuk perwujudan itu. Namun begitu, ini tidak bermakna pembasmian (*extinction*). Bukan Buddha Shakyamuni sahaja yang telah mencapai *nirvana*, malah ramai penganutnya juga dapat mencapai *nirvana*.

Soalan yang selanjutnya ialah siapa atau apakah yang menyebabkan *samsara*? Siapa atau apakah yang menentukan sama ada sesuatu makhluk dalam kehidupannya yang akan datang berada di syurga atau neraka, atau mengambil bentuk manusia? Satu soalan lagi yang

hampir serupa boleh juga ditanya: Siapa atau apakah yang menentukan bahawa penduduk-penduduk di bumi, sungguhpun manusia amat berbeza-beza dari segi rupa, sifat, kekayaan, kepanjangan hidup, kesihatan, nasib dan lain-lain? Malahan adalah lebih menarik lagi untuk memperhatikan sejauh mana keadaan-keadaan seseorang itu yang dilahirkan dapat mempengaruhi destinasinya. Bangsa apakah, negara manakah, warna kulit apakah, ibu bapa jenis apakah - semua faktor ini menyebabkan perbezaan yang besar. Sekarang, siapa atau apakah yang menentukan pilihan-pilihan ini? Ada orang yang mengatakan bahawa semua ini cuma kebetulan atau itulah takdir Tuhan. Tetapi bukankah lebih logik jika katakan bahawa sesuatu yang berlaku sebelum kelahiran seseorang itulah yang menyebabkan semua kesan-kesan ini? Jika seseorang bayi tidak mempunyai masa hidup yang lalu, jadi atas alasan-alasan apakah Tuhan memutuskan sama ada bayi itu akan dianugerahkan atau dihukum dengan kelahirannya dalam keadaan-keadaan yang begitu jauh bezanya? Menurut Buddhisme, itu bukanlah kebetulan, atau pun takdir Tuhan. Sebenarnya, tindak-tanduk seseorang itu sendiri yang akan menentukan takdirnya sendiri. Oleh sebab Buddhisme mengajar tentang masa hidup yang lalu, sekarang dan juga yang akan datang, perbuatan dahulu yang meliputi semua aksi yang telah dilakukan pada semua hidup lalu mempunyai pengaruh yang terus-menerus ke atas hidup seseorang buat sekarang dan juga pada masa akan datang. Harus ditunjukkan bahawa apabila saya kata perbuatan dahulu, ia mengandungi perbuatan sekarang sebab "kini" (*the presence*) hanya merupakan satu saat yang tidak kekal. Segera sesudah kita kata "Ini adalah kini", ia sudah jadi yang dahulu.

Hukum ini, yang mengatakan bahawa tingkah-laku seseorang itu yang menentukan takdirnya sendiri, dipanggil **karma**. Dalam kamus *Random House*, karma ditakrifkan sebagai "perbuatan-perbuatan yang akan membawakan keputusan-keputusan yang tidak dapat dielakkan kepada seseorang, sama ada baik atau buruk, sama ada dalam kehidupan sekarang atau dalam satu kelahiran semula." Saya ingin meluaskan takrif ini dengan mengatakan bahawa karma ialah satu perlakuan atau kumpulan perlakuan oleh sesuatu makhluk atau satu kumpulan makhluk yang menghasilkan kesan-kesan. Kesan-kesan ini, yang mungkin baik, buruk, atau neutral, menentukan masa depan makhluk itu atau kumpulan makhluk itu. Karma baik menghasilkan kesan-kesan baik, karma buruk menghasilkan kesan-kesan buruk. Di sini, kesan baik atau buruk yang dihasilkan oleh karma baik atau buruk hanya adalah satu fenomena semula jadi yang dikuasai oleh hukum-hukum semula jadi yang bertindak secara automatik dengan keadilan lengkap, dan bukanlah satu pengadilan yang dibuat oleh satu kuasa maha tinggi seperti Tuhan. Tambahan pula, kebaikan dan keburukan yang tersebut di sini tidak ditafsirkan mengikut sebarang kod atau undang-undang buatan manusia, kecuali kod atau undang-undang demikian mematuhi hukum-hukum semula jadi. Sebagai contoh, apabila demokrasi mula-mula diciptakan, kaum wanita tidak mempunyai hak mengundi. Pada masa itu, wanita yang patuh dengan kedudukan begitu dianggap "baik" dan mereka yang menentangnya dianggap "buruk". Namun demikian, pengadilan seperti itu adalah tidak betul. Hukuman semula jadi adalah semua umat manusia adalah sama, dan oleh itu, sistem yang memberikan kaum wanita hak mengundi yang sama dengan lelaki adalah satu sistem yang memang adil. Jadi, orang yang menentang sistem mengundi yang tidak adil itu sebenarnya ialah orang yang baik.

Hukum karma ini, ataupun "sebab dan kesan" (*cause and effect*), adalah sebegitu kuat sehingga ia menentukan semua perkara dalam alam semesta kecuali, menurut Buddhisme, seseorang yang telah mencapai pencerahan. Ketika mencapai pencerahan, sebab dan kesan ini hilang keistimewaannya, sama seperti *samsara* yang berakhir dengan pencerahan.

Dengan adanya pengetahuan tentang *samsara* dan karma, anda mungkin berminat mempelajari daripada Buddhisme bahawa anda, sebagai umat manusia, sesungguhnya mempunyai kesempatan yang terbaik untuk menjadi Buddha. Perkara ini mungkin lebih mudah difahami sekiranya saya katakan bahawa penghuni di neraka, hantu dan binatang mempunyai kesempatan yang kurang untuk memupuk diri supaya menjadi Buddha. Tetapi mengapakah bukan penghuni di syurga yang memang dianggap berada di peringkat yang lebih tinggi daripada manusia? Jawapannya ialah kehidupan di syurga terlalu mewah dengan berbagai-bagi kesenangan. Penghuni di syurga begitu sibuk untuk menikmati hidup, tidak mempunyai

kecenderungan untuk pemupukan selanjutnya. Hanya manusia yang mempunyai keupayaan otak untuk menerima ajaran, mempunyai masa untuk mengamalkan ajaran, pernah mengalami kesengsaraan dan kedukaan yang merangsangkannya untuk mencari satu jalan bagi membasmikan penderitaan-penderitaan dan lebih-lebih lagi, manusia yang mempunyai kesempatan untuk mendengar ajaran Buddha, mempunyai keupayaan untuk membebaskan dirinya dan menjadi Buddha.

Oleh itu, haruslah kita mengambil tahu bahawa Buddhisme tidak menggalakkan kelahiran semula dalam syurga, tetapi menggalakkan orang mengikut teladan Buddha Shakyamuni, Guru Agung dan berusaha memupuk diri dalam hidup ini untuk menjadi Buddha.

Anda mungkin dapat hidup dengan senang-lenang sekarang. Kebanyakan orang yang tinggal di Amerika Syarikat yang besar ini menikmati kehidupan kebendaan yang mewah, tetapi anda jangan lupa bahawa terdapat banyak penderitaan yang manusia tidak dapat elakkan. Malah, ramai orang di dunia ini sesungguhnya sedang hidup dalam satu keadaan yang tidak berapa lebih baik daripada neraka, seperti mana yang dijelaskan oleh banyak agama.

Seperti yang saya sebutkan tadi, penderitaan merupakan isyarat untuk mendorongkan seseorang mengejar kebebasan, jadi biarlah kita memeriksa berbagai-bagi penderitaan yang dialami oleh umat manusia. Terdapat lapan jenis penderitaan asas seperti yang difirmankan oleh Buddha 2500 tahun dahulu. Pada masa itu di India, keselesaan kebendaan sangat kurang berbanding dengan hari ini dan penderitaan manusia adalah lebih nyata. Memang aneh bahawa kelapan-lapan jenis penderitaan yang asas ini nampaknya tidak banyak berubah dalam tempoh yang begitu panjang ini. Penderitaan-penderitaan itu ialah:

1. penderitaan kerana kelahiran
2. penderitaan kerana tua
3. penderitaan kerana penyakit
4. penderitaan kerana kematian
5. penderitaan kerana pemisahan dengan orang-orang yang dikasihi atau benda-benda yang digemari
6. penderitaan kerana penemuan yang tidak diingini dengan seseorang atau sesuatu benda
7. penderitaan kerana penyangkalan hasrat seseorang
8. penderitaan kerana penguatan lima agregat, atau dengan lain perkataan yang lebih mudah, penguatan kelakuan manusia seperti kebencian, perasaan cemburu dan lain-lain.

Adalah dikesalkan bahawa dengan semua kemajuan dalam peradaban manusia yang telah membawa manusia ke satu zaman di mana wujudnya kemungkinan menjelajahi ke lain-lain planet, manusia masih tidak sanggup mengurangkan atau menghapuskan penderitaan-penderitaan asasi itu. Anda mungkin bersetuju dengan saya bahawa kadangkala penderitaan-penderitaan ini dihebatkan lagi oleh pertambahan kelajuan hidup dan pertambahan godaan kebendaan. Ini lebih ternyata dalam kes-kes empat jenis penderitaan yang terakhir.

Kesedaran dan pengakuan tentang penderitaan manusia adalah satu langkah yang penting dalam Buddhisme. Ia biasanya dirujukkan sebagai Kebenaran Agung Yang Pertama dalam Empat Kebenaran Agung. Tiga Kebenaran Agung yang lain ialah:

Hasrat dan idaman adalah sebab-sebab penderitaan manusia;  
Penderitaan boleh dihapuskan; dan  
Cara-cara untuk menghapuskan penderitaan.

Saya sudah berikan anda terlalu banyak untuk difahami dan masa tidak mengizinkan saya untuk berbincang secara terperinci mengenai Empat Kebenaran Agung ini. Oleh demikian, saya hanya akan memberi anda penerangan secara ringkas berkenaan dengan cara-cara untuk menghapuskan penderitaan, iaitu Kebenaran Agung Yang Keempat. Ini adalah kerana terdapat

beberapa perkara penting lagi yang ingin saya memperkenalkan kepada anda berhubung dengan jalan yang harus diambil untuk menjadi Buddha.

Terdapat lapan komponen yang membentuk cara-cara untuk menghapuskan penderitaan. Biasanya ia dipanggil Lapan Jalan Betul dan ia merupakan prinsip-prinsip panduan dalam hidup. Lapan Jalan Betul ialah:

Pandangan Betul	( <i>Samyagbuddhi</i> )
Fikiran Betul	( <i>Samyaksarnkalpa</i> )
Ucapan Betul	( <i>Samyagvak</i> )
Perbuatan Betul	( <i>Samyakkarmanta</i> )
Pekerjaan Betul	( <i>Samyagajivah</i> )
Daya Upaya Betul	( <i>Samyagvyayama</i> )
Peringatan Betul	( <i>Samyaksmrti</i> )
Samadhi Betul	( <i>Samyaksamadhi</i> )

Perkataan yang paling penting di sini ialah "Betul". Untuk memudahkan kefahaman berkaitan dengan aplikasinya dalam kehidupan harian, saya mentafsirkan perkataan "Betul" sebagai: (1) tidak melukai orang lain, kalau boleh, menolong orang lain, (2) mengerti hukum sebab dan kesan iaitu karma dan mematuhiinya dengan teliti dan (3) mengerti bahawa badan kamu ialah alat kenderaan yang harus kamu sandarkan untuk melayari dari pantai penderitaan ini ke pantai sebelah (yang bebas daripada penderitaan) dan oleh itu, kamu mesti menjaganya.

Jika seseorang boleh hidup berdasarkan kepada prinsip-prinsip panduan tersebut, idaman akan berkurang dan penderitaan akan menyusut.

Sila ambil perhatian bahawa ajaran Buddha memberi perhatian yang amat berat kepada masyarakat dan memerlukan disiplin diri yang tinggi darjahnya daripada penganut-penganutnya. Baginda menubuhkan **Sangha** — satu kumpulan biksu yang teratur supaya mereka dapat menjalankan cara hidup yang betul. Sangha itu menunjukkan satu contoh bagaimana sebab-sebab penderitaan manusia dapat dikawal, dikurangkan dan akhirnya dihapuskan. Walaupun dalam nama agama atau Buddhisme, sebarang kegiatan atau cara hidup yang mengganggu masyarakat atau menimbulkan kerusuhan bagi orang lain tidak harus dianggap sebagai Buddhisme sejati kerana kegiatan sedemikian adalah bertentangan dengan ajaran Buddha.

Apabila anda mengkaji Buddhisme, anda akan dapat tahu bahawa Buddha biasanya mengajar dalam dua peringkat, bergantung kepada peringkat kefahaman pendengarnya. Satu peringkat mungkin boleh disebut sebagai peringkat selepas pencerahan dan yang satu lagi sebagai peringkat duniawi (*mundane*).

Adakah sesiapa di sini yang mempunyai pengalaman mengenai pencerahan atau yang faham akan ajaran Buddha di peringkat pencerahan? Saya tidak tahu. Saya belum lagi. Saya belum mempunyai pengalaman yang benar mengenai pencerahan.

Biarlah saya beritahu kamu satu cerita pendek :

Pada suatu hari, seekor ibu katak pulang ke kolam dari darat dan mula memberitahu kepada berudu-berudu kecilnya yang tidak pernah keluar dari air tentang sinaran matahari yang hangat dan angin sepoi dan bagaimana rasa keistimewaannya. Berudu-berudu itu tidak faham dan meminta ibu mereka menerangkannya. Ibu katak cuba menghuraikan pengalamannya walau dengan apa cara sekalipun, namun tidaklah berjaya. Sehingga satu hari kelak apabila kaki berudu-berudu telah besar dan lompat keluar dari air ke atas tanah, barulah mereka mendapati: "Oh, itulah yang ibu kami maksudkan."

Jadi apa yang saya ceritakan kepada anda pada hari ini adalah untuk memperkenalkan anda kepada peringkat selepas pencerahan harus dianggap sebagai seekor berudu mengulangi

cerita ibu katak kepada berudu yang lain tentang sinaran matahari hangat dan angin sepoi yang ia alami di atas tanah.

Ketika pencerahan, Buddha menyedari bahawa semua fenomena dan idea-idea adalah tidak benar dan tidak kekal, ia hanya muncul kerana persepsi manusia yang tidak betul dan tidak lengkap tentang alam semesta. Buddha menyedari *sunyata*.

**Sunyata** adalah satu pra syarat bagi pencapaian kearifan sempurna. Tetapi apakah itu *sunyata*?

*Sunyata* adalah satu perkataan Sanskrit yang diterjemahkan sebagai "kekosongan" (*emptiness*). Tetapi saya mesti menegaskan bahawa *sunyata* bukanlah "ketiadaan" (*nothingness*) ataupun membawa maksud kosong (*void*). *Sunyata* adalah satu istilah yang digunakan oleh orang yang telah mencapai pencerahan untuk sifat benar alam semesta itu. Berhubung dengan hal ini, saya akan membincangkannya dari dua segi:

Pertama, biarlah saya bertanya: Adakah sebarang benda dalam ruang terbuka di hadapan saya? Berapa ratus tahun dahulu barangkali semua orang menjawab: "Tiada. Ia adalah kosong." Hari ini, anda mungkin masih menganggapnya sebagai satu ruang kosong tetapi setengah-setengah daripada anda mungkin kata bahawa terdapat udara dan debu dalamnya. Seseorang yang mengkaji kimia mungkin mengambil satu langkah yang lebih lanjut dan mengatakan bahawa ia mengandungi oksigen, nitrogen dan barangkali kuman. Seseorang pakar fizik barangkali akan mengatakan ia mengandungi lebih banyak daripada itu, merujuk kepada sinar kosmik, gelombang radio dan banyak benda yang lain yang hanya dapat difahami oleh ahli sains. Sekarang, apakah makna semua ini? Ini bermakna bahawa ruang terbuka ini adalah lebih jauh daripada kosong. Kita mendapat-satu kesimpulan yang salah dengan mengatakan ruang ini adalah kosong kerana ia adalah penuh dengan benda dan kegiatan yang mata dan telinga kita tidak dapat kesan.

Kedua, biarlah saya bertanya: Bagaimanakah dengan badan fizikal saya? Adakah anda katakan ianya kosong? Besar kemungkinan anda akan berkata "Tidak. Ini adalah satu bahan pepejal." Adakah jawapan itu betul? Anda tentu pernah melihat foto X-ray. Jika badan saya terdedah kepada X-ray, apakah yang anda dapat lihat dalam foto? Anda tidak dapat lagi melihat badan saya, dan apa yang kamu lihat ialah satu struktur tulang manusia yang tidak banyak bezanya dengan seekor monyet besar. Sekali lagi jika badan saya diperiksa di bawah satu mikroskop besar, apa akan terjadi? Memang ia tidak lagi menjadi bentuk badan dan apa yang dapat dilihat mungkin merupakan satu rantai molekul yang kompleks. Jika kita membesarkan lagi hingga ke peringkat atom, badan-badan yang boleh dikesan mungkin sangat sedikit kecuali untuk ruang kosong yang luas. Secara teori, tiap-tiap benda boleh dianalisis sehingga akarnya sebagai tenaga dan tenaga adalah tanpa bentuk dan tidak dapat dilihat, ia adalah kosong.

Betapa menariknya hal ini! Apabila seseorang mengatakan ruang lapang ini kosong, sebenarnya ia penuh dengan benda. Apabila seseorang itu mengatakan badan saya adalah pepejal, ianya kosong.

Contoh lain barangkali lebih mudah difahami. Kita sebagai manusia mengatakan udara adalah kosong dan kita boleh bergerak dengan bebas dalamnya, tetapi bagi kita air bukan kosong. Akan tetapi sesekor ikan mungkin langsung tidak menganggap sedemikian. Seekor ikan akan menganggap air kosong manakala tidak pada udara kerana dalam air, ia boleh bergerak dengan bebas. Sebenarnya bagi seekor ikan udara mungkin adalah seperti batu. Ia tidak dapat bergerak di dalamnya walau satu inci pun.

Saya dapat memberi anda banyak contoh lagi yang kesemuanya membawa kepada kesimpulan bahawa mata, telinga dan lain-lain organ deria kita tidak dapat memberikan kita satu pandangan lengkap tentang alam semesta. Hasil daripada penerangan yang tidak lengkap boleh

membawa kepada satu pandangan yang salah. Malangnya kesemua pengetahuan kita dan tindakan kita seterusnya adalah semata-mata berdasarkan penerangan yang tidak lengkap atau salah yang dipersepsi oleh organ deria kita semenjak kita dilahirkan.

Secara saintifik, spektrum elektro magnetik dengan jelasnya memberitahu bahawa mata manusia hanya boleh mengesan satu bahagian yang sangat kecil daripada spektrum — gelombang cahaya. Mata kita tidak dapat lihat benda jauh atau benda mikroskopik.

Bukan sahaja mata kita tidak sempurna. Ikan julung-julung dapat mengesani bunyi pada frekuensi setinggi 150 000 saikel setiap saat. Anjing dapat dengar bunyi pada frekuensi antara 15 hingga 50 000 saikel setiap saat. Tetapi manusia hanya dapat mengesan bunyi pada frekuensi antara 20 hingga 20 000 saikel setiap saat.

Yang lebih buruk ialah sifat degil otak kita yang tidak mahu mengakui fakta bahawa deria kita boleh silap. Ini kerana penerangan yang terus dan tetap diberi kepada otak oleh organ deria begitu tidak lengkap. Jadi, walaupun anda faham apa yang saya sebutkan sekarang, pada saat yang berikut anda mungkin akan terlupa atau menolak dengan sepenuhnya kerana mata dan telinga anda memberi anda satu gambaran yang tidak sama sekali sedangkan otak anda telah biasa menerima sebagai benar.

Jadi adalah mustahak untuk menunjukkan bahawa kefahaman sahaja adalah tidak mencukupi untuk mengatasi penerimaan terbiasa bagi pandangan dunia yang tidak lengkap dan silap ini. Pencerahan adalah diperlukan. Dengan pencerahan, anda memandang secara langsung, jelas dan terus-menerus bahawa alam semesta adalah kosong; bahawa semua fenomena dan idea-idea cuma satu mimpi atau seperti awan terapung di langit yang datang dan pergi tanpa meninggalkan sebarang kesan. Kamu pada waktu itu tidak dipengaruhi oleh apa pun fenomena yang timbul. Sifat fenomena-fenomena itu adalah kosong. Lanya tidak benar dan tidak kekal. Ini adalah kearifan yang agung.

Bagaimanakah seseorang boleh mencapai pencerahan? Buddha memberitahu tentang pengalamannya bahawa Baginda telah mencapai pencerahan melalui konsentrasi betul dan kontemplasi betul. Anda mungkin masih ingat cerita tentang ibu katak dan berudunya yang saya beritahu anda beberapa minit yang lalu. Dalam perkara ini, saya cuma seperti berudu dan berasa terlalu susah untuk terangkan kepada anda secara lebih lanjutnya berkenaan dengan pengalaman pencerahan. Saya harus berhenti di sini dan meninjau perkara lain yang anda harus tahu untuk menjadi Buddha, iaitu penyempurnaan perasaan belas kasihan agung.

Untuk mengatakan tentang perasaan belas kasihan agung, saya harus memperkenalkan kepada anda satu istilah penting dalam Buddhisme, iaitu *bodhisattva*. *Bodhi* bermakna pencerahan atau mencerahkan, dan *sattva* bermakna makhluk. Jadi *bodhisattva* adalah satu makhluk yang telah mencapai pencerahan atau yang menyebabkan makhluk-makhluk lain untuk mencapai pencerahan. *Bodhisattva* adalah satu makhluk yang sedang menuju ke arah menjadi Buddha dan menolong makhluk-makhluk yang lain mencapai pencerahan.

Adalah menarik hati untuk mengetahui bahawa *bodhisattva* itu mungkin adalah seorang rahib, biarawan, atau orang biasa seperti kita semua. Pada hakikatnya kebanyakan *bodhisattva* dalam sejarah Buddhisme adalah orang yang belum meninggalkan keluarganya. Ini adalah kerana untuk melakukan tugas-tugas wajib seseorang *bodhisattva*, beliau harus berdamping rapat dengan penduduk-penduduk lain dalam sesuatu masyarakat.

Sifat yang paling penting kepada seorang *bodhisattva* ialah perasaan belas kasihan. *Bodhisattva Avalokitesvara* atau *Kuan Yin* di China atau Jepun adalah satu wakil simbolik bagi kompassion agung. Ikrar agung bagi *bodhisattva* ini ialah membebaskan semua makhluk daripada sebarang ketakutan. Biarlah saya memetik dua ayat daripada suatu puisi masyhur:

*'Saya akan pergi ke beribu-ribu tempat bagi menunaikan beribu-ribu doa.  
Dalam lautan penderitaan yang terbentang luas, saya akan sentiasa  
berkhidmat sebagai sebuah feri untuk menyelamatkan makhluk-makhluk.'*

Dalam puisi ini anda dapat tahu:

1. tidak adanya pembatasan geografi;
2. tidak adanya had terhadap bilangan doa yang *bodhisattva* akan balas;
3. tidak adanya pembatasan terhadap jenis doa yang akan dibalas;
4. tidak adanya diskriminasi terhadap siapa yang membuat doa itu;
5. tidak adanya gangguan dalam perkhidmatan, ia berterusan siang dan malam;
6. tidak mengharapkan sebarang ganjaran walau dalam apa bentuk sekali pun.

Ini adalah kompassion agung yang seseorang harus belajar.



Setiap umat manusia boleh menjadi Buddha. *Kuan Yin*: Wakil Simbolik bagi kompassion agung.

Dalam hal ini anda mungkin anggap bahawa ia agak sama dengan 'cinta agung' yang diajar oleh Yesus Kristus. Dan memang begitu, kerana mengikut taksiran Buddhisme, Yesus Kristus memang seorang *bodhisattva* yang agung. Yesus Kristus sering mengajar pengikut-penganutnya supaya menyerah diri dengan sepenuhnya dan berkhidmat untuk orang lain. Malah beliau sendiri memberi nyawanya. Jelaslah, perbuatan memberi adalah satu penunjuk kompassion. Dalam Buddhisme, ini dipanggil **Dana**, iaitu satu perkataan Sanskrit. Terdapat tiga jenis dana:

1. **dana kebendaan** — memberi barang-barang kepada orang yang miskin.
2. **dana pengetahuan** — menyampaikan ilmu yang patut kepada orang lain untuk membebaskan mereka daripada penderitaan akibat daripada kejahilan
3. **dana ketidak takut** — menolong orang lain untuk membebaskan mereka daripada sebarang ketakutan.

Bagi Buddha, dana adalah satu perbuatan spontan yang timbul daripada kompassion agung tanpa syarat, tanpa diskriminasi dan tanpa pembatasan. Bagi kita orang biasa, dana merupakan amalan kompassion agung yang paling mustahak yang akan membimbing kita menuju ke peringkat Buddha.

Sekarang anda mungkin ingin beritahu saya: "Itu baik dan menarik. Tetapi bolehkah kamu memberitahu kami beberapa idea praktikal supaya kami dapat amal untuk menjadikan hidup kita lebih tenteram dan membolehkan kita tidur dengan lebih nyenyak?"

Saya berasa gembira untuk berbuat demikian. Biarlah saya beritahu anda sebuah cerita. Tajuknya ialah 'Mengapakah kamu masih memikul gadis itu di atas belakang badan kamu?'

Cerita ini berlaku di China kira-kira 1000 tahun dahulu. Untuk pemahaman yang lebih sempurna, saya akan beritahu anda sedikit latar belakangnya. Pada masa ketika cerita ini berlaku, perhubungan sosial antara lelaki dan perempuan di China sangat ketat. Anda mungkin pernah dengar bahawa gadis-gadis jarang keluar dari rumah mereka sebelum berkahwin. Pembatasan sedemikian terutamanya diamalkan di kalangan Buddhists. Menurut salah satu mazhab Buddhism pada waktu itu di China, rahib-rahib Buddha dilarang gelak atau senyum kepada kaum perempuan. Mereka dilarang menyentuh badan wanita atau mendedahkan dada atau kaki mereka di hadapan seorang wanita.

Kalau tidak, mereka pun sangatlah berdosa. Cerita itu adalah seperti berikut:

Terdapat dua orang rahib yang berusia pertengahan umur, kedua-dua telah pun lama menjalani latihan dan pengajian di dalam sebuah biara kepunyaan mazhab Buddhism tersebut. Oleh demikian mereka mengetahui dengan mendalam peraturan-peraturan yang tersebut di atas. Pada suatu hari, mereka sedang mengembara dan sampai ke tepi sebatang sungai pada lewat petang. Di sana tidak terdapat jambatan ataupun feri, tetapi sungai itu cetek dan mereka yakin dengan senangnya mereka dapat mengharungi sungai itu. Tiba-tiba mereka nampak seorang gadis muda yang seakan-akan cuba menyeberangi sungai itu juga, tetapi ragu-ragu untuk melangkah ke dalam air. Beliau mengalami kesusahan. Jadi, salah seorang daripada rahib tersebut pun mendekatinya dan cuba menolongnya menyeberangi sungai itu dengan memikulnya di atas belakang badannya. Rahib yang kedua sangatlah terkejut melihat apa yang dilakukan oleh saudaranya. Dengan perasaan bingung dan kecewa, dia berasa sangat sedih ketika dia mengikut mereka ke tebing seberang sungai. Rahib pertama menurunkan gadis itu yang mengucapkan terima kasih kepadanya dan meninggalkan tempat itu. Dua orang rahib tersebut meneruskan perjalanan mereka. Semasa berjalan, rahib yang kedua itu tidak dapat melupakan peristiwa tadi. Beliau keliru bagaimakah saudaranya boleh melanggar peraturan yang mereka patuhi selama itu. Dosa yang tidak boleh diampuni telah dia lakukan, dan lebih-lebih lagi di hadapan orang lain! Mungkinkah dia melanggar peraturan-peraturan penting yang lain apabila dia seorang diri? Apabila hari hampir gelap mereka pun sampai di sebuah biara terbengkalai. Mereka berasa letih dan memasuki biara itu lalu berehat. Rahib pertama dengan serta-merta tidur tetapi rahib kedua tidak dapat tidur. Mula-mulanya beliau berasa kecewa, sesudah itu beliau berasa kasihan terhadap saudaranya kerana melakukan dosa yang begitu serius itu. Beliau cuba berdoa untuk mengurangkan dosa saudaranya akan tetapi dia mengkhayalkan semua jenis perkara. Beliau terkadung-katung kerana runsing dan tidak dapat tidur. Hampir waktu fajar beliau terdengar bunyi dengkur saudaranya yang sedang tidur nyenyak, dan beliau menjadi sangat marah. Beliau membuat satu bunyi bising untuk membangunkan saudaranya. "Apakah terjadi kepada kamu, abang? Mengapa kamu tidak tidur?" Dengan marah rahib kedua menjawab, "Tahukah apa yang telah kamu lakukan? Manakah peraturan kamu? Manakah boleh kamu membawa seorang gadis di atas belakang badan kamu dan mengharungi sungai tadi? Saya tidak dapat tidur kerana saya sedang berdoa dengan sedaya-upaya supaya dosa kamu dikurangkan tetapi kamu langsung tidak peduli dan tidur dengan nyenyak sahaja." Rahib pertama pun menjawab, "Oh, kamu bercakap tentang gadis itu. Saya telah menurunkannya segera sesudah kita menyeberangi sungai, tetapi mengapakah abang masih memikulnya di atas belakang badan kamu?"

Terima kasih.

dialihbahaskan oleh:  
Y. K. CHIN

ARTIKEL INI UNTUK BUKAN-MUSLIM SAHAJA